



**JKKP  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**SEMINAR  
KESIHATAN PEKERJAAN  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2017**

**Ucapan Perasmian Oleh:  
YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM  
MENTERI SUMBER MANUSIA**

**7 September 2017 | Hospital Kuala Lumpur**

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

***Mohon merujuk senarai protokol***

1. Terlebih dahulu, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat hadir bersama-sama ke seminar pada hari ini. Sebelum saya meneruskan ucapan, izinkan saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Hospital Kuala Lumpur (HKL) diatas segala komitmen dan inisiatif untuk menjayakan program ini.
2. Saya difahamkan, seminar pada hari ini adalah kerjasama antara Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) bagi mensejahterakan kehidupan rakyat, melindungi aset serta pelaburan negara melalui Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). Syabas dan Tahniah saya ucapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
(*Kepentingan KKP kepada Pembangunan Negara*)

3. Sumber manusia merupakan salah satu aset terpenting negara dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju. Dalam usaha Kerajaan untuk menjadi Negara maju dan berpendapatan tinggi, Negara memerlukan ramai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Manusia telah menetapkan sasaran 35 peratus pekerja di negara ini terdiri daripada tenaga kerja mahir menjelang 2020 dan ianya mampu menyumbang kepada produktiviti yang tinggi buat negara selain menambah nilai kepada pendapatan pekerja.
4. Oleh yang demikian, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan menjadi salah satu elemen penting untuk memastikan majikan dan pekerja dapat bekerja dalam persekitaran yang selamat, sihat, kondusif dan produktif dan seterusnya dapat melindungi modal insan negara. Namun begitu, sasaran ini tidak akan dicapai jika isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan diabaikan.
5. Dalam konteks ini, kesan elemen kesihatan pekerjaan terhadap pekerja sebenarnya amatlah merugikan kerana sejumlah wang terpaksa dikeluarkan bagi menanggung kos

rawatan dan bayaran pampasan. Kadang-kala nilai yang dikeluarkan adalah jauh lebih tinggi daripada kos yang perlu dikeluarkan untuk mengambil langkah pencegahan awal. Seperti yang kita sedia maklum, penyakit atau keracunan pekerjaan merupakan satu perkara yang memerlukan proses pemulihan atau penyembuhan yang panjang. Jika penyakit dan keracunan pekerjaan ini melibatkan kehilangan nyawa, dan sebagai contoh jika pekerja itu merupakan pekerja hospital maka pihak hospital akan kehilangan doktor atau kakitangan yang mahir dan Negara akan kerugian dalam tenaga kerja yang mahir yang mungkin mampu membimbing dan membangunkan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
( *Kepentingan Pelaporan Penyakit Pekerja* )

6. Daripada perspektif perundangan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, hospital ditafsirkan sebagai sebuah tempat kerja dengan majikan adalah pihak pengurusan dan pentadbiran hospital, pekerja terdiri daripada pegawai perubatan, jururawat dan kakitangan sokongan manakala orang selain pekerja adalah pesakit dan orang lain yang berurusan dengan pihak hospital. Antara kewajipan dan tanggungjawab majikan, adalah melaporkan berkenaan penyakit dan keracunan pekerjaan

yang dialami oleh pekerja kepada JKPP. Selain daripada majikan, menurut peruntukan perundangan, mana-mana pegawai perubatan yang merawat seseorang pesakit yang dipercayai menghidap penyakit atau keracunan pekerjaan juga perlu membuat pelaporan kepada JKPP.

7. Tujuan utama pelaporan ini adalah untuk pihak JKPP menentukan punca berlakunya kemalangan ataupun penyakit pekerjaan supaya tindakan pencegahan dapat diambil agar kejadian yang sama tidak berulang kembali. Pada masa yang sama, data-data yang dikumpulkan ini, akan menjadi pengkalan data kepada Jabatan untuk menganalisis dan menyediakan pelan strategik bagi mentadbir dan menguatkuasakan perundangan. Bagi tujuan ini, adalah penting bagi data yang direkodkan oleh majikan diseragamkan bagi memudahkan analisis dan memastikan ketepatan data dan statistik yang diperolehi. Ini selaras dengan tema Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja pada tahun ini iaitu **“Optimize The Collection And Use Of OSH Data”** atau **“Mengoptimumkan Pengumpulan Dan Penggunaan Data KKP ”**.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
(*Statistik Penyakit Pekerjaan*)

8. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), nisbah diantara kemalangan dengan penyakit dan keracunan pekerjaan adalah pada kadar 1:6. Namun jika dibandingkan dengan statistik pelaporan yang diterima oleh Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) adalah jauh daripada nisbah yang dikemukakan oleh ILO. Ingin saya kongsi maklumat dan statistik kemalangan dan penyakit pekerjaan pada tahun 2016, jumlah kemalangan yang dilaporkan di seluruh negara adalah sebanyak 41,005 kes, manakala berbanding sebanyak 7,820 kes yang diterima bagi penyakit dan keracunan pekerjaan. Ini hanyalah pada kadar 5:1, iaitu jauh daripada yang dilaporkan oleh ILO iaitu 1:6.
  
9. Berdasarkan pelaporan tersebut, Jabatan telah membuat klasifikasi mengikut jenis-jenis penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan. Daripada jumlah ini, sebanyak 91% adalah *Occupational Noise related Hearing Disorder* ataupun Penyakit Pekak disebabkan Kebisingan Pekerjaan, 3% *Occupational Muscular-Skeletal Disorder* atau Masalah

Tulang-Otot Pekerjaan dan 2% berkaitan dengan *Occupational Lung Diseases* atau Penyakit Paru-paru Pekerjaan.

10. Justeru itu, kesedaran mengenai penyakit dan keracunan pekerjaan merupakan satu perkara yang perlu dipandang serius oleh majikan dan juga pegawai perubatan. Ini kerana, jika kesedaran mengenai perkara ini telah dipupuk, secara tidak langsung langkah-langkah pencegahan awal dapat dilakukan. Namun demikian, langkah pencegahan ini hanya dapat dikenalpasti jika siasatan menyeluruh dilakukan bagi setiap kes penyakit dan keracunan pekerjaan. Selain itu, dengan siasatan lanjut yang dijalankan, pekerja yang terbabit akan mendapat pembelaan yang sewajarnya. Faktor-faktor ini merupakan penyebab utama dan disokong oleh peraturan perundangan yang mewajibkan majikan dan pegawai perubatan membuat laporan ke JKKP.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
(*Cabaran dihadapi*)

11. Antara faktor yang menyumbang kepada kurangnya bilangan pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan di Negara kita adalah tahap kesedaran yang rendah dikalangan majikan dan pegawai perubatan mengenai

perkara ini. Justeru, inisiatif dan usaha penganjuran seminar ini oleh pihak penganjur iaitu Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan dan Hospital Kuala Lumpur seharusnya diberi pujian dan ini merupakan usaha yang amat baik bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak yang berkenaan.

12. Saya difahamkan bahawa peserta-peserta seminar terdiri daripada pengurusan tertinggi hospital dan juga pakar-pakar perubatan. Oleh itu diharap agar setiap peserta mendapat seberapa banyak maklumat dan kesedaran berkaitan aspek kesihatan pekerjaan. Ini kerana tuan-tuan dan puan-puan adalah berperanan sebagai majikan dan juga pegawai perubatan yang mempunyai kewajipan terhadap peruntukan perundangan bagi perkara-perkara dibawah kesihatan pekerjaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
*(Harapan dan Saranan)*

13. Amalan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja perlu diterapkan dan diamalkan oleh semua pihak bagi memastikan dan mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan dari berterusan berlaku di negara kita. Untuk makluman tuan/puan, kadar kemalangan di tempat kerja

pada tahun 2016 adalah **2.88 per 1,000 pekerja**. Oleh itu, saya amat berharap kadar kemalangan pekerjaan Negara akan terus menurun pada masa hadapan dan seterusnya dapat memberi impak positif kepada Negara bahawa bekerja di Malaysia adalah selamat dan sihat. Ini sekaligus dapat meyakinkan pelabur - pelabur dari luar untuk terus membuat pelaburan perniagaan di Negara kita.

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan bagi menjayakan penganjuran seminar pada hari ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada semua peserta yang hadir di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan.

15. Saya juga amat percaya dengan kombinasi di antara majikan yang prihatin, pekerja yang berkualiti dan produktif, sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang efektif serta keadaan persekitaran kerja yang kondusif, maka pastinya produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesebuah organisasi akan mencapai tahap dan standard yang dikehendaki.

Saya dengan ini merasmikan **Seminar Kesehatan Pekerjaan  
Kebangsaan 2017.**

Sekian, terima kasih.